

121
Ia tidak seharusnya berlaku
di peringkat tertinggi UMNO

MAHATHIR ULAS REBUT KUASA

UMJ 16 MAY 1978

LONDON 15 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini bahawa perebutan kuasa tidak seharusnya berlaku di peringkat tertinggi UMNO.

"Bila-ada perebutan selalunya akan berlaku perpecahan di mana golongan yang kalah tidak akan bekerjasama," katanya.

Timbalan Perdana Menteri yang tiba di sini awal pagi ini, memberitahu saya bahawa beliau tetap percaya perebutan kuasa tidak seharusnya berlaku di peringkat tertinggi parti.

balan presiden, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Saya menaruh harapan kepada perhimpunan agung UMNO."

Katanya, para perwakilan sudah matang dan tidak akan berbuat sesuatu yang boleh merosakkan parti.

Naib Presiden UMNO itu berkata beliau masih mempunyai harapan memenangi jawatan itu sekalipun harus menentang Dato' Harun.

"Saya mempunyai kepercayaan terhadap kematangan para perwakilan dalam perhimpunan".

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada masanya sudah sampai tradisi UMNO itu dipecahkan.

Beliau berada di sini mengetuai rombongan pelaburan 18 orang dalam rangka lawatan tiga minggu untuk mencari pelaburan di Eropah. Beliau akan memulakan siri rundingan perniagaannya esok.

Datuk Sri. Dr. Mahathir berkata beliau telah membuat keputusan akan bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden

UMNO dalam perhimpunan agung Jun ini.

Katanya, Dato' Harun Idris bebas bertanding merebut jawatan timbalan presiden memandangkan beliau juga telah dicalonkan kerana undang-undang tidak langsung menyekatnya dari berbuat demikian.

Faktor utama

Beliau berpendapat, tradisi dalam UMNO di mana jawatan presiden dan timbalannya tidak ditandingi adalah salah satu faktor utama yang mewujudkan kestabilan politik UMNO dan negara.

Beliau menarik perhatian bahawa selama ini perebutan dalam UMNO berlaku pada peringkat kedua iaitu bagi jawatan naib presiden dan bila ia dipilih untuk memegang jawatan yang lebih tinggi dari itu, ia tidak lagi ditandingi.

Bagi pencalonannya untuk jawatan tim-

Di tanya pula tentang peluangnya untuk memenangi pilihanraya dalam kawasan Kubang Pasu, Dr. Mahathir berkata, "harapannya cerah".

Bagaimanapun, katanya beliau menjangka pertandingan satu lawan satu dengan PAS dengan kemungkinan PSRM akan turut serta.

Utusan Malaysia difahamkan dari sumber lain, PAS besar kemungkinan akan mencalonkan Encik Halim Arshad, bekas Presiden Kcsatuan Universiti Kebangsaan Malaysia menentang Dr. Mahathir di kawasannya.

Ditanya sama ada PAS boleh menjadikan Kedah sebagai pangkalannya setelah kekalahan teruk di Kelantan, beliau berkata, "PAS mungkin mempunyai banyak penyokong di Kedah, tapi ini tidaklah bermakna bahawa mereka itu kuat."